

Sisa rawatan air tak berbahaya: PBAPP

Nur Izzati Mohamad - Mei 7, 2021



Butterworth: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menafikan dakwaan yang menyatakan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, di sini membuang sisa rawatan air mengandungi mendakan logam berat yang ia boleh menjejaskan Sungai Perai.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir Jaseni Maidinsa berkata, sisa rawatan air yang dibuang dari LRA Sungai Dua ke anak Sungai Perai tidak berbahaya bagi manusia dan persekitaran akuatik.

Menurutnya, kandungan utama sisa air adalah sisa aluminium yang terhasil dari penggunaan 'aluminium sulfat' atau 'polyaluminium klorida' untuk proses pembekuan dalam rawatan air konvensional.

"LRA Sungai Dua bukan satu-satunya LRA di Malaysia yang membuang sisa air ke sungai. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menganggarkan LRA di Malaysia menghasilkan sebanyak 5,500 tan metrik sisa air setiap hari.

"Melalui hasil ujian dan penemuan dari kajian yang dilakukan terhadap sisa air di negara ini mendapati keputusannya tidak berbahaya. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia bahkan dunia yang mana fakta ini disokong oleh beberapa negara lain.

"Tambahah pula, menurut kajian bersama MWA dan UTM pada 2008, sisa air tidak disenaraikan sebagai 'sisa berjadual' oleh pihak berkuasa pengurusan alam sekitar di Kanada, Amerika Syarikat dan United Kingdom," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Jelasnya, LRA Sungai Dua beroperasi sejak 1973 dan sepanjang tempoh 48 tahun tiada insiden pencemaran air yang dilaporkan di Sungai Perai disebabkan oleh pembuangan sisa air.

"Jika sisa air berbahaya bagi persekitaran akuatik maka tidak akan ada ikan di Sungai Perai. Pasa masa sama, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang menjawab pertanyaan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow pada November tahun lalu memaklumkan bahawa sisa air akan dikawal selia oleh SPAN dibawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (WSIA).

"KASA menyatakan bahawa ia sedang dalam proses meminda WSIA untuk memasukkan sisa air dan peraturannya mencakupi peruntukan untuk mendirikan kemudahan awam untuk merawat, mengitar semula dan/atau membuang sisa air dengan betul di Malaysia," katanya.

Terdahulu, Pertubuhan Lestari Khazanah Alam Pulau Pinang (LEKAS) melahirkan kebimbangan terhadap pengurusan enap cemar yang mengandungi mendakan logam berat, yang diragui dialirkan masuk ke Sungai Perai daripada LRA Sungai Dua.

Ia berikutan LEKAS mendapat laporan bahawa LRA Sungai Dua beroperasi tanpa kolam takungan enap cemar dan hasil penelitian rambang mendapati, kolam takungan terbabit seperti tidak wujud. Oleh yang demikian, LEKAS menggesa PBAPP untuk memberi penjelasan segera tentang perkara itu.



AIR yang dilepaskan LRA Sungai Dua. FOTO Danial Saad.